

# Ranking 4 universiti awam meningkat

» **Senarai penarafan bukti lima universiti penyelidikan sedia pendidikan berkualiti**

Oleh Haspaizi Mohd Zain  
haspaizi@bh.com.my

Kuala Lumpur

**R**anking empat universiti awam di negara ini menunjukkan peningkatan membanggakan melalui penarafan dibuat oleh QS University Ranking: Asia, sekali gus membuktikan peningkatan mutu pendidikan tinggi negara.

Empat universiti itu ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Manakala kedudukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kekal.

Melalui ranking yang dikeluaran QS University Ranking: Asia itu, kedudukan UM meningkat daripada tangga 32 ke 29, USM 57 ke 49, UTM 66 ke 61, UPM 76 ke 66, manakala UKM kekal pada kedudukan 56.

Penarafan yang dibuat bermula tahun 2009 itu menjadikan lima universiti penyelidikan negara itu berada dalam kelompok antara 500 universiti terbaik di rantau Asia.

Bagi ranking subjek pula, subjek Perbankan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) diiktiraf sebagai terbaik di dunia, subjek Sains Alam Sekitar USM (31 terbaik dunia) dan subjek Sains Pembangunan UM tangga 32 dunia.

**Mutu pendidikan berkualiti**  
Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata keputusan itu



Kedudukan Universiti Malaya **meningkat daripada tangga 32 ke tangga 29.**

sememangnya menjadi kebanggaan buat negara dan membuktikan mutu pendidikan negara yang berkualiti.

"Prestasi universiti negara kita meningkat dalam setahun dua ini dalam semua bidang, penarafan negara, subjek ranking dan kebanyakannya subjek kita berada dalam kelompok sepuluh terbaik dunia.

"Setiap tahun berlaku peningkatan yang kita namakan sebagai peningkatan berterusan. Dalam masa dua tahun akan ada uni-

versiti kita berada dalam kelompok 100 terbaik di dunia," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Idris sebelum itu berucap pada sesi Taklimat Peningkatan Berterusan: Transformasi dan Kejayaan Pendidikan Malaysia di Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

Yang turut hadir, Pengurus BERNAMA, Datuk Abdul Rahman Sulaiman.

Sementara itu, Idris berkata, program Ketua Pegawai Eksekutif (CEO@universiti) yang akan menampilkan tokoh terkemuka negara akan bermula hari ini di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

"Program CEO@universiti akan dimulakan dengan Pengarah Eksekutif Brainy Bunch Islamic Montessori, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohd Tahir dan selepas itu akan disusuli dengan tokoh lain," katanya.

Untuk komen,  
hantar e-mel menerusi  
**bhnews@bh.com.my**  
atau di laman Facebook  
**BH Online**



Bagi ranking subjek pula, subjek Perbankan Islam, UIAM diiktiraf sebagai terbaik di dunia.

## INFO

Senarai universiti Malaysia di kedudukan 300 terbaik seluruh Asia Tahun 2015 yang dikeluarkan oleh QS University

| 2015    | 2014    | UNIVERSITI                              | SKOR KESLURUHAN |
|---------|---------|---|-----------------|
| 29      | 32      | Universiti Malaya                       | 84.8            |
| 49      | 57      | Universiti Sains Malaysia               | 69.4            |
| 56      | 56      | Universiti Kebangsaan Malaysia          | 66.4            |
| 61      | 66      | Universiti Teknologi Malaysia           | 64.5            |
| 66      | 76      | Universiti Putra Malaysia               | 63.4            |
| 151-160 | 145     | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  | 42.1            |
| 151-160 | 191-200 | Universiti Teknologi Petronas           | 41.2            |
| 191-200 | 201-250 | Universiti Utara Malaysia               | 35.7            |
| 201-250 | 201-250 | Universiti Teknologi MARA               | 34.5            |
| 201-250 | 201-250 | Universiti Malaysia Sabah               | 32.8            |
| 201-250 | 201-250 | Universiti Malaysia Perlis              | 31.7            |
| 201-250 | 201-250 | Universiti Multimedia                   | 31.3            |
| 201-250 | 201-250 | Universiti Malaysia Sarawak             | 30.9            |
| 201-250 | -       | Universiti Taylor                       | 29.7            |
| 251-300 | 251-300 | Universiti Malaysia Pahang              | 27.4            |
| 251-300 | 251-300 | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia     | 25.6            |
| 251-300 | 251-300 | Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing | 25.3            |
| 251-300 | 251-300 | Universiti Malaysia Terengganu          | 25.3            |
| 251-300 | 251-300 | Universiti Tenaga Malaysia              | 24.8            |
| 251-300 | 301+    | Universiti UCSI                         | 24.2            |
| 251-300 | 301+    | Universiti Tuanku Abdul Rahman          | 23.6            |

## INFO

Kedudukan Universiti Awam Malaysia

Fakulti

26 dalam 200 terbaik dunia

Subjek

Sains Pertanian



Universiti Putra Malaysia

- ke-54 Dunia
- Terbaik Asia Tenggara

Sains Alam Sekitar



Universiti Sains Malaysia

- ke-31 Dunia
- Terbaik Asia Tenggara

Sains Pembangunan



Universiti Malaya

- ke-32 Dunia

Perbankan Islam



Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Malaysia

- Terbaik Dunia